



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua (*The Implementation of Practical Prayer (Solat) Program in Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Among Form Two Student*)

Open Access

Ruhaida Abdullah^{1,*}, Nurul Ilyana Muhd Adnan²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Kementerian Pendidikan Malaysia, 62604 Putrajaya, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 12 February 2018

Received in revised form 12 March 2018

Accepted 20 April 2018

Available online 28 April 2018

ABSTRACT

Matlamat utama pendidikan Islam adalah untuk memantapkan mutu ibadah pelajar-pelajar. Sejak dengan itu, aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan tunjang utama dalam proses membentuk peribadi seseorang pelajar. Oleh yang demikian, salah satu aspek yang diambil perhatian adalah amalan solat yang dilaksanakan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah. Sebagaimana yang kita sedia maklum solat merupakan tiang agama dan wajib orang Islam menunaikannya. Melalui Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dilaksanakan di sekolah, Program Amali Solat merupakan satu program yang dilaksanakan di sekolah untuk mendidik pelajar supaya dapat belajar dan seterusnya dapat menunaikan solat dengan sempurna. Justeru, artikel ini adalah kajian awal yang bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Kamaruddin yang terletak di Batu Kurau Perak Darul Ridzuan. Responden yang terlibat ialah pelajar tingkatan dua iaitu seramai 30 orang. Kajian ini adalah kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan (survey). Borang soal selidik yang menggunakan skala Likert 5.0 telah digunakan bagi penggumpulan data. Data yang diperolehi telah dianalisis secara statistik deskriptif (Measure of Central Tendency) dengan menggunakan aplikasi Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar amat berminat terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dilaksanakan di sekolah mereka. Dapatan juga menunjukkan program ini banyak memberi manfaat kepada mereka dari aspek kesempurnaan ibadat khususnya ibadat solat. Selain membincangkan dapatan kajian, kajian ini juga cuba meneliti masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat dan seterusnya memberi beberapa cadangan untuk penambahan terhadap kesesuaian program ini.

The main aim of Islamic education is to improve the quality of the students' deed. In line with that, the curriculum and co-curriculum activities implemented in Islamic Education subject are the vital element in the process of developing students' personality. As such, one of the aspects to be considered is the practice of prayer performed among school students. It is well known that prayer is a pillar of religion and obligatory for Muslims to do it. Through the Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) which was implemented in schools, the Practical Prayer (Solat) Program is a program

* Corresponding author.

E-mail address: hadiyahur0304@yahoo.com (Ruhaida Abdullah)

implemented to educate students to learn and then to perform the prayers perfectly. Therefore, this article is a preliminary study aimed at studying the students' perceptions on the implementation of Practical Prayer Program in Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) among form two students at Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Kamaruddin located at Batu Kurau Perak Darul Ridzuan. The respondents are 30 form two students. This is a quantitative study through a survey design. Questionnaires using 5.0 Likert scale were used for data collection. The obtained data were analyzed descriptively (Measures of Central Tendency) using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22. The results showed that students are very interested in the Practical Prayer Program in Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) implemented at their schools. The findings also show that this program benefits many of them in terms of perfection of the deeds (ibadat), especially prayer (solat). In addition to discussing the findings of the study, this study also attempts to examine the problems faced during the implementation of the Practical Prayer Program and subsequently provide some suggestions for improvements to the program.

Kata Kunci:

Pendidikan, Pelaksanaan, Program Amali
Solat, Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA).

Keywords:

*Education, Implementation, Practical
Prayer (Solat) Program, Perkara Asas
Fardhu Ain (PAFA).*

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Ibadah merupakan asas utama dalam pembentukan hubungan antara manusia dengan penciptanya. Antara ibadah yang paling utama ialah ibadah solat yang merupakan tiang agama dan mampu mendekatkan diri seseorang hamba kepada penciptanya. Dengan cara ini seseorang hamba dapat memohon pertolongan dengan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T dan mengharapkan keredhaan dari-Nya. Sehubungan dengan itu, Islam pada peringkat awal amat mengharapkan agar anak-anak dididik dan diasuh menurut acuan yang telah ditetapkan oleh syariat iaitu dengan menitikberatkan ibadat solat kepada anak-anak seawal usia 7 tahun lagi. Sekiranya anak-anak masih meninggalkan solat pada usia 10 tahun, maka ibu bapa diberikan hak untuk memukul mereka dengan tujuan mendidik agar menuai solat. Oleh yang demikian, Islam amat menitikberatkan ibadah solat dalam kehidupan seharian agar dapat membentuk jati diri seseorang muslim. Solat juga sebenarnya mampu mencegah seseorang dari melakukan perbuatan keji dan mungkar sebagaimana yang terkandung dalam firman Allah SWT di dalam surah al-Ankabut :

أَتِ الْمَوْلَى أُوحِي إِلَيْكَ مِنْ أَلْهِكْ كُبِرٌ وَقِيمُ الصَّلَاةِ إِنَّ الْمُصَلِّوَةَ تَنْهَىٰ هَمِّي عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَلَذِكْرُ رَبِّهِ

﴿٤٥﴾ أَكْبِرٌ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksud : Bacalah kitab (al-Quran) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah daripada (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingati Allah (solat) itu lebih besar keutamaannya daripada ibadah yang lain) Allah mengetahui apa yang kamu lakukan. (al-Ankabut :20:45) [1].

Seterusnya apabila anak-anak mula melangkah ke alam persekolahan, guru-guru mula memainkan peranan dalam mendidik dan mengasuh anak-anak agar melaksanakan ibadat solat. Guru merupakan orang kedua dan penyambung kepada tugas-tugas mendidik anak-anak yang diamanahkan oleh ibu bapa yang telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah untuk dididik dan ditarbiah mengikut acuan syariat Islam. Solat merupakan tiang utama dalam membina jati diri ketakwaan pelajar terhadap penciptanya. Inilah yang dikatakan sebagai menitikberatkan syariat utama dalam agama kerana agama sangat penting. Setiap manusia tidak dapat lari dari kehidupan beragama kerana agama merupakan satu fitrah bagi manusia dan ia dijadikan sebagai panduan serta tatacara hidup yang wajib dipatuhi bagi membataskan setiap tingkah laku sesuai dengan situasi dan keadaan. Kesempurnaan dalam beragama menjadikan seseorang akan berada dalam aturan kehidupan yang penuh ketenangan dan kesempurnaan [2].

Realiti yang berlaku pada hari ini, masih ada pelajar yang tidak segan silu mengakui bahawa mereka masih tidak mampu menunaikan solat mencukupi lima waktu. Ini berlaku disebabkan cetecknya ilmu pengetahuan berkaitan ibadat solat serta kesedaran tentang kewajipan menunaikan solat fardhu sebagai satu tanggungjawab tidak dititikberatkan. Menurut Muhammad Suhardi Jusoh [3] kajian berkaitan Pengabaian Solat Fardhu Di Kalangan Remaja di Daerah Pasir Putih mendapati remaja yang sering mengabaikan solat lebih mudah terjebak dengan gejala sosial berbanding remaja yang istiqamah dalam melakukan solat. Selain itu, apa yang berlaku hari ini sebenarnya berpunca dari kegagalan para pelajar menguasai perkara rukun dalam wuduk dan solat. Justeru, ia mesti di atasi dengan segera kerana mereka telah mempelajari asas fardu ain sejak di sekolah rendah dan sekolah menengah lagi. Kesimpulannya di sini dapat kita lihat program amali solat ini memainkan peranan yang amat penting dalam meningkatkan penghayatan solat khususnya melalui Program Amali Solat ini. Sehubungan dengan itu, menyedari kepentingan peranannya maka ia telah mendorong kajian ini dijalankan. Kajian ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Kamaruddin yang terletak di Batu Kurau Perak Darul Ridzuan.

2. Objektif

Kajian awal ini bertujuan untuk :

- i) Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kepentingan pelaksanaan Program Amali Solat
- ii) Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dijalankan di sekolah mereka
- iii) Menganalisis persepsi pelajar terhadap masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat.

3. Tinjauan Literatur

3.1 Program Amali Solat

Ibadat solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah shahadah dan menjadi salah satu perkara utama yang wajib dilaksanakan oleh seseorang individu yang bergelar muslim. Sejajar dengan itu, pihak sekolah melaksanakan Program Amali Solat dibawah seliaan guru-guru Pendidikan Islam yang dipertanggungjawab untuk mengendali dan menyelaras program ini yang terkandung di dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). Program Amali Solat ini merupakan aktiviti kokurikulum yang bersifat akademik yang melibatkan semua murid Islam di sekolah. Sepanjang mengikuti program ini, pelajar akan dinilai bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan bermula

dari belajar mengambil wuduk sehingga selesai menunaikan solat sama ada secara bersendirian atau secara berjamaah. Pencapaian setiap murid akan direkodkan dan keputusannya akan dilaporkan oleh guru agama kepada ketua panitia, pengetua dan seterusnya kepada Unit Pendidikan Islam di Jabatan Pelajaran Negeri. Sekiranya ada pelajar yang masih belum mampu mencapai tujuan yang ditetapkan ke atas mereka, maka tindakan susulan dan amali semula akan diambil sehingga pelajar tersebut mampu menguasainya dengan sempurna. Program ini merupakan program dakwah yang amat penting kerana mampu membimbing pelajar ke arah mempelajari dan memperbaiki mutu solat selari dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Hafidz Ahmad [4] menyatakan implikasi penglibatan pelajar dalam program dakwah dapat meningkatkan amalan ibadat solat dan akhlak pelajar ke arah yang lebih positif.

3.2 Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) pada tahun 1994, iaitu yang akan diuji pada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) [5]. Dalam usaha memperkasakan lagi PAFA terhadap pelajar, berlaku penyemakan semula pada tahun 2001 dan dilaksanakan serentak dengan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR/KBSM bermula sesi Persekolahan 2003 untuk menguji semula pelajar [6]. Pelaksanaan PAFA ini, dijalankan oleh guru Pendidikan Islam pada masa dua waktu tambahan iaitu selama 60 minit seminggu. Melalui proses pemahaman teori dan amali dalam PAFA ini, pelajar akan diberi tunjuk ajar dan bimbingan dengan lengkap agar dapat memahami ilmu Fardhu Ain ini dengan sebaik mungkin.

PAFA merupakan Perkara Asas Fardhu Ain yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam yang dilaksanakan untuk membentuk pelajar supaya pelajar dapat memahami, mengetahui, menghayati dan mengamalkan dengan sempurna mengikut kehendak syariat Islam. Melalui aspek penilaian, murid dapat memahami dan mengamalkannya pada tahap yang paling asas dan minimum. Penilaian PAFA ini adalah bertujuan untuk pertama, mengenal pasti murid yang lemah dalam kefahaman dan amalan PAFA, kemudian membimbing sehingga mereka dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkannya dengan betul dan sempurna. Kedua, memastikan tidak terdapat sebarang keciciran dalam PAFA. Manakala yang ketiga pula ialah menyuburkan keinsafan dan kerelaan yang positif untuk menghayatinya dalam amalan kehidupan harian. Akhir sekali iaitu yang keempat, memotivasi dan merangsang tanggungjawab guru untuk memastikan murid menguasai dan menghayati PAFA secara berterusan [7]. PAFA ini sepatutnya mampu diamalkan oleh pelajar dengan sempurna setelah mempelajarinya dan dilakukan dengan kehendak hati tanpa ada paksaan.

Menurut Abdul Manaf Yunus [8] dalam kajiannya mendapati semua pelajar mempunyai tanggapan positif terhadap PAFA kerana mereka berpendapat bahawa PAFA merupakan satu mata pelajaran yang sangat penting dalam diri mereka kerana Perkara Asas Fardhu Ain ini dapat menangani masalah buta fardhu ain di kalangan mereka. Justeru, matlamat PAFA sebenarnya seiring dengan matlamat utama Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh dan berakhhlak mulia berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah supaya menjadi hamba dan Khalifah Allah yang bertakwa serta menyumbang kearah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat [7]. Oleh yang demikian, bagi melahirkan insan yang sempurna ini, Islam menganggap solat sebagai tiang agama yang membina teguh keimanan dan ketakwaan dalam diri individu muslim.

4. Metodologi

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merujuk kepada garis panduan, pelan atau strategi yang menyatakan prosedur yang digunakan untuk memperoleh kepada jawapan kepada soalan [9]. Oleh yang demikian, dalam hal ini pengkaji perlu mempunyai pemahaman yang mendalam tentang permasalahan dan kajian yang ingin diselidiki dengan soalan-soalan yang bakal dilaksanakan. Kajian ini adalah satu kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif (survey research). Reka bentuk kajian ini digunakan untuk menilai persepsi pelajar terhadap kepentingan dan pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) serta menganalisis masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat.

4.2 Populasi Dan Sampel Kajian

Persampelan merupakan satu kaedah untuk mendapatkan satu sampel yang mempunyai ciri-ciri umum populasi untuk tujuan kajian. Dalam kajian ini, pemilihan sampel secara rawak mudah dipilih oleh pengkaji. Oleh yang demikian, menurut Ahmad Sunawari [10] menyatakan bahawa, kelebihan persampelan rawak mudah iaitu ia mewakili populasi, mudah dan senang untuk difahami serta kesilapan boleh dikira. Oleh yang demikian, populasi kajian ini melibatkan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Kamaruddin yang terletak di Batu Kurau Perak Darul Ridzuan terdiri dari pelajar tingkatan dua iaitu seramai 30 orang iaitu merupakan responden yang telah melalui proses pembelajaran dari asas sebelum menuaikan solat, semasa menuaikan solat dan seterusnya melaksanakan solat iaitu melalui sukatan yang terkandung dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA).

4.3 Instrumen Kajian

Soal selidik merupakan instrumen penting dalam pengumpulan data dan maklumat. Ia mengandungi senarai soalan dan arahan yang dibentuk secara tersusun bagi tujuan mendapatkan maklumat dan data daripada sasaran kajian berkaitan dengan penyelidikan yang sedang dijalankan. Menurut Fuad [11], soal selidik ini telah dicipta oleh Persatuan Statistik London (Statistical Society of London) pada tahun 1938. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat pengukuran dalam kajian ini kerana kaedah ini sangat praktikal dan amat berkesan untuk menguji populasi yang besar. Dalam menjalankan kajian rintis ini, pengkaji menggunakan satu set borang soal selidik untuk diagihkan kepada responden yang terlibat dalam Program Amali Solat ini. Soalan yang dikemukakan dalam set soal selidik ini telah dibina bersesuaian dengan objektif kajian pengkaji. Bahagian ini diuji berdasarkan penggunaan Skala Likert 5-point berdasarkan nilai mata 1 hingga 5 iaitu 1-Sangat tidak setuju (STS), 2-Tidak setuju (TS), 3-Kurang setuju (KS), 4-Setuju (S), 5-Sangat setuju (SS). Skala Likert dipilih oleh penyelidik kerana ia mudah disediakan di samping mempunyai darjah kebolehpercayaan yang tinggi berbanding skala lain.

4.4 Analisis Data

Setiap maklum balas dari responden melalui instrumen soal selidik telah dianalisis. Semua data-data tersebut yang telah diperoleh oleh pengkaji akan diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Perisian ini merupakan perisian yang mampu menganalisis data yang banyak dan berulang dengan cepat dan tepat. Objektif utama

analisis deskriptif adalah bagi menerangkan data ke dalam bentuk yang mudah difahami yang terdiri dari bentuk min,sisihan piawai,kekerapan, peratusan dan interpretasi min. Analisis deskriptif ini digunakan untuk menganalisis pemboleh ubah kajian iaitu untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kepentingan dan proses pelaksanaan Program Amali Solat serta menganalisis masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat yang dijalankan di sekolah tersebut. Skor purata min ini diinterpretasikan berdasarkan 5 tahap. Penjelasan skor bagi setiap item yang terdapat dalam soal selidik adalah seperti berikut.

Jadual 1

Interpretasi skor min analisis deskriptif

Skor min	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat Rendah
1.90 -2.69	Rendah
2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan [12]

Untuk menentukan kebolehpercayaan item bagi instrumen ini, Nilai Cronbach Alfa telah digunakan dan hasilnya adalah 0.810. Nilai pekali 0.7 atau lebih tinggi menunjukkan kebolehpercayaan alat ukur yang baik [13]. Selain itu, keesahan instrumen soal selidik ini juga telah disahkan oleh dua orang pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

5. Analisis dan Dapatan Kajian

5.1 Profil Responden

Kajian rintis ini melibatkan pelajar lelaki dan perempuan yang dipilih dari pelajar tingkatan 2 iaitu seramai 30 orang. Analisis deskriptif secara terperinci akan diuraikan sebagaimana Jadual 2 yang menunjukkan profil responden berdasarkan jantina iaitu seramai 10 orang (33.3%) adalah pelajar lelaki manakala pelajar perempuan pula adalah seramai 20 orang (66.7%).

Jadual 2

Profil demografi responden

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	10	33.33
Perempuan	20	66.7
Jumlah	30	100%

5.2 Pandangan secara umum pelajar terhadap Program Amali Solat yang dilaksanakan

Jadual 3 menunjukkan pandangan secara umum pelajar terhadap Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah. Dapatan ini menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 29 orang (96.7%) bersetuju Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka amat baik. Manakala hanya seorang responden (3.3%) yang menyatakan pelaksanaan program ini perlu diperbaiki.

Seterusnya tiada pelajar yang menyatakan bahawa Program Amali Solat ini kurang baik dilaksanakan di sekolah mereka. Ini menunjukkan program yang dilaksanakan di sekolah ini amat sesuai untuk pelajar dan guru agama kerana telah berjaya mengendalikan program ini dengan baik dan memuaskan.

Jadual 3

Pandangan secara umum pelajar terhadap Program Amali Solat yang dilaksanakan

	Kekerapan	Peratusan (%)
Baik	29	96.7
Kurang baik	00	0.0
Perlu diperbaiki	01	3.3
Keseluruhan	30	100

5.3 Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingan Pelaksanaan Program Amali Solat

Hasil analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai diperincikan bagi menentukan taburan persepsi pelajar tingkatan dua terhadap kepentingan Program Amali Solat adalah berdasarkan kepada Jadual 4.

Jadual 4 adalah persepsi pelajar terhadap kepentingan Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka. Hasil analisis menunjukkan nilai min bagi setiap item dengan skor antara 4.76 hingga 4.10 dan min keseluruhan adalah sangat tinggi iaitu 4.49. Analisis deskriptif bagi 9 item aspek kepentingan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) ini menunjukkan item ke-6 “*Saya mengikuti Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya tanpa rasa menyesal*” mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu pada nilai 4.76 dengan sisihan piawai 0.430 pada tahap yang sangat tinggi. Ini menunjukkan responden yang terlibat dengan program ini dapat melaksanakannya dengan seikhlas hati tanpa paksaan dari orang lain. Di samping itu, hubungan yang akrab di antara responden dengan rakan-rakan juga dapat dipupuk melalui pelaksanaan ini. Ia dijelaskan pada item ke-8 “*Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya dapat merapatkan hubungan saya dengan rakan-rakan*” mencatatkan nilai min 4.10, sisihan piawai 0.678 pada tahap yang tinggi.

Sementara itu, item kedua tertinggi iaitu item ke-7 “*Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya memberi manfaat kepada diri saya*” menunjukkan nilai min adalah 4.63, sisihan piawai 0.556 pada tahap yang sangat tinggi. Ini kerana pelajar yang mengikuti program ini dapat mempelajarinya secara teori dan amali tentang solat dari tatacara mengambil wuduk dan seterusnya dapat memanfaatkannya sehingga dapat menunaikan solat dengan sempurna. Ini seiring dengan item pertama “*Program Amali Solat sangat penting kepada semua pelajar*” dengan nilai min 4.6 dan sisihan piawai 1.037, item ke-3 “*Program Amali Solat banyak mengajar saya bagaimana menunaikan solat dengan sempurna*” juga dengan nilai min 4.6 dan sisihan piawai 1.037 serta item yang ke-4 “*Ilmu yang saya pelajari melalui Program Amali Solat sangat berguna dalam kehidupan saya*” yang mempunyai persamaan min iaitu 4.6 dan sisihan piawai 1.037 iaitu pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan Program Amali Solat ini sangat penting kepada pelajar sekolah.

Di samping itu juga, pelajar kurang mampu menghargai ia dapat membimbing pelajar agar dapat menunaikan solat secara sempurna dan program ini juga sememangnya amat berguna untuk pelajar mempelajarinya sebaliknya mampu menghidupkan amalan solat dalam kehidupannya sama ada di sekolah atau selepas waktu persekolahan. Ini seiring dengan item ke-5 iaitu “*Pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah banyak membantu saya untuk menunaikan solat secara konsisten di rumah*” dengan nilai min 4.50, sisihan piawai 1.137 iaitu pada tahap yang sangat tinggi.

Jadual 4
Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingan Program Amali Solat

No	Item	1	2	3	4	5	Min	SP	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
Kekerapan & Peratusan									
1	Program Amali Solat sangat penting kepada semua pelajar.	4 13.3%				26 86.7%	4.60	1.037	Sangat Tinggi
2	Program Amali Solat banyak mengajar saya bagaimana cara untuk berwuduk	8 26.7%				73.3%	4.20	1.349	Tinggi
3	Program Amali Solat banyak mengajar saya bagaimana menuai solat dengan sempurna	4 13.3%				26 86.7%	4.60	1.037	Sangat Tinggi
4	Ilmu yang saya pelajari melalui Program Amali Solat sangat berguna dalam kehidupan saya	4 13.3%				26 86.7%	4.60	1.037	Sangat Tinggi
5	Pelaksanaan Program Amali Solat di sekolah banyak membantu saya untuk menuai solat secara konsisten di rumah	5 16.7%				25 83.3%	4.50	1.137	Sangat Tinggi
6	Saya mengikuti Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya tanpa rasa menyesal		6 20%			24 80%	4.76	0.430	Sangat Tinggi
7	Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya memberi manfaat kepada diri saya		1 3.3%	9 30%	20 66.7%		4.63	0.556	Sangat Rendah
8	Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya dapat merapatkan hubungan saya dengan rakan-rakan		7 23.3%	3 10.0%		20 66.7%	4.10	0.678	Tinggi
9	Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya dapat merapatkan hubungan saya dengan guru-guru agama		6 20%			24 80%	4.40	1.220	Sangat Tinggi
Min Keseluruhan							4.49	0.942	Sangat Tinggi

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan Jadual 4, skor min keseluruhan bagi kepentingan pelaksanaan Program Amali Solat menunjukkan nilai min 4.49 dan sisihan piaui 0.942. Sementara itu, tahap pelaksanaan program ini terhadap pelajar-pelajar tentang amali solat adalah pada tahap sangat tinggi. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tingkatan dua ini mempunyai minat yang tinggi dalam pelaksanaan ibadat solat ini. Para pelajar telah didedahkan dengan cara menunaikan solat oleh guru-guru pendidikan Islam sehingga mereka menganggap bahawa ibadat solat amat penting dalam kehidupan seorang muslim dan perlu diamalkan walau di mana sahaja mereka berada.. Justeru, peranan guru adalah sangat signifikan dalam menerapkan kepentingan Program Amali Solat dalam PAFA ini. Penerapan ini hendaklah dipertingkatkan dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Ia boleh dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai pendekatan dan strategi. Ini kerana untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang, aspek keagamaan khususnya solat perlu dititikberatkan bagi melahirkan pelajar-pelajar bukan hanya cemerlang di dunia sahaja bahkan juga cemerlang di akhirat.

5.4 Persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dijalankan di sekolah mereka

Hasil analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piaui diperincikan bagi menentukan taburan persepsi pelajar tingkatan dua terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dijalankan di sekolah mereka adalah berdasarkan kepada Jadual 5.

Jadual 5 adalah persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dilaksanakan di sekolah mereka. Hasil analisis menunjukkan nilai min antara 4.60 hingga 3.33 dan min keseluruhan adalah tinggi iaitu 3.99. Analisis deskriptif bagi 14 item aspek pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) ini menunjukkan item ke-5 "*Guru mengajar saya cara-cara solat dengan jelas dan sempurna*" mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu pada nilai 4.60 dengan sisihan piaui 1.037 pada tahap yang sangat tinggi. Ini menunjukkan responden yang terlibat dengan program ini dapat belajar cara menunaikan solat dengan jelas dari guru yang mengajar mereka secara teori dan amali. Namun begitu, pada item ke-4 "*Guru mengajar saya cara-cara wuduk dengan jelas dan sempurna*" untuk amali wuduk mencatat nilai min lebih rendah berbanding nilai min amali solat iaitu dengan nilai min 4.06 sisihan piaui 1.362 pada tahap tinggi. Di samping itu, pemilihan waktu amat penting khususnya untuk pelaksanaan amali . Ia dijelaskan pada item ke-9 "*Saya berpendapat waktu untuk amali solat amat sesuai dilaksanakan sebelum masuk waktu zohor*" mencatatkan nilai min paling rendah 3.33, sisihan piaui 1.493 pada tahap yang sederhana. Ini kerana pelajar memerlukan waktu yang lebih awal iaitu sebelum masuk waktu zohor supaya amali ini dapat dilaksanakan dengan sempurna bersama guru agama tanpa gangguan dari pelajar yang tidak terlibat dengan amali solat tersebut. Ini selari dengan item ke-6 iaitu "*Waktu amali solat mencukupi untuk saya belajar cara berwuduk*" yang menunjukkan pelaksanaan amali wuduk ini memerlukan masa yang sesuai kerana dapatan menunjukkan pelajar lebih cenderung untuk memilih waktu yang sesuai untuk melaksanakannya iaitu dengan mencatat nilai min 3.66 dengan sisihan piaui 1.347 pada tahap yang tinggi. Selain itu, waktu yang telah diperuntukkan kepada pelajar selama dua waktu iaitu selama satu jam amat cukup dan sesuai untuk dilaksanakan supaya pelajar dapat belajar menunaikan solat dengan baik. Ini hasil dijelaskan pada item ke-7 iaitu "*Waktu amali solat mencukupi untuk saya belajar cara menunaikan solat*" dan item ke-8 iaitu "*Waktu yang diperuntukkan untuk amali solat perlu ditambah*" yang kedua-duanya mencatatkan nilai min yang sama iaitu 3.80 dan sisihan piaui 1.423 pada tahap yang tinggi.

Jadual 5

Persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dijalankan di sekolah mereka

No	Item	1	2	3	4	5	Min	SP	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
Kekerapan & Peratusan									
1	Saya suka belajar amali solat dengan guru yang saya ada sekarang		8 26.7%	1 3.3%		21 70.0%	4.13	1.357	Tinggi
2	Guru amali solat saya seorang peramah dan mudah mesra		8 26.7%	1 3.3%		21 70.0%	4.13	1.357	Tinggi
3	Guru amali solat saya seorang yang prihatin terhadap kehadiran pelajar dalam program amali solat		8 26.7%			22 73.3%			Tinggi
4	Guru mengajar saya cara-cara wuduk dengan jelas dan sempurna		8 26.7%	2 6.7%		20 66.7%	4.06	1.362	Tinggi
5	Guru mengajar saya cara-cara solat dengan jelas dan sempurna		4 13.3%			26 86.7%	4.60	1.037	Sangat Tinggi
6	Waktu amali solat mencukupi untuk saya belajar cara berwuduk		9 30.0%	6 20.0%	1 3.3%	14 46.7%	3.66	1.347	Tinggi
7	Waktu amali solat mencukupi untuk saya belajar cara menunaikan solat		10 33.3%	3 10.0%		17 56.7%	3.80	1.423	Tinggi
8	Waktu yang diperuntukkan untuk amali solat perlu ditambah		10 33.3%	3 10.0%		17 56.7%	3.80	1.423	Tinggi
9	Saya berpendapat waktu untuk amali solat amat sesuai dilaksanakan sebelum masuk waktu zohor		16 53.3%	1 3.3%		13 43.3%	3.33	1.493	Sederhana
10	Saya dapat menjalani Program Amali Solat dalam keadaan selesa		10 33.3%			20 66.7%	4.00	1.438	Tinggi
11	Saya dapat mengambil wuduk dengan sempurna kerana mendapat bimbingan dari guru amali		9 30%			21 70%	4.10	1.398	Tinggi
12	Saya dapat menunaikan solat dengan sempurna kerana mendapat bimbingan dari guru amali		9 30%			21 70%	4.10	1.398	Tinggi
Min Keseluruhan							3.99	1.365	Tinggi

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Sementara itu, item kedua tertinggi iaitu item pertama “*Saya suka belajar amali solat dengan guru yang saya ada sekarang*” dan ke-2 “*Guru amali solat saya seorang peramah dan mudah mesra*” menunjukkan nilai min adalah 4.13, sisihan piawai 1.357 pada tahap yang tinggi. Ini kerana pelajar majoriti pelajar sangat selesa belajar dengan guru-guru yang mengajar amali solat mereka kerana guru mereka merupakan guru yang amat baik dan mudah mesra seterusnya memudahkan mereka bertanya sekiranya ada perkara yang tidak faham semasa pelaksanaan amali tersebut.

Selain itu, item ke-3 “*Guru amali solat saya seorang yang prihatin terhadap kehadiran pelajar dalam program amali solat*”, dapatkan menunjukkan guru mereka amat mengambil berat dan cakna terhadap kehadiran setiap pelajar dalam Program Amali Solat supaya objektif utama program ini tercapai seterusnya memenuhi sukanan yang terdapat dalam silibus PAFA ini iaitu dengan nilai min 4.20 sisihan piawai 1.349 pada tahap yang tinggi.

Selaras dengan itu, bimbingan dan tunjuk ajar dari guru-guru yang membimbang secara amali terhadap pelajar amat penting kerana ia mampu membimbang pelajar untuk mengambil wuduk dan menunaikan solat dengan sempurna. Ini selaras dengan item ke-11 “*Saya dapat mengambil wuduk dengan sempurna kerana mendapat bimbingan dari guru amali*” dan item ke-12 “*Saya dapat menunaikan solat dengan sempurna kerana mendapat bimbingan dari guru amali*” dengan nilai min yang sama 4.10 dan juga sisihan piawai sama 1.398, masih pada tahap yang tinggi.

Ini seiring dengan item ke-10 iaitu “*Saya dapat menjalani Program Amali Solat dalam keadaan selesa*” dengan nilai min 4.00, sisihan piawai 1.438 iaitu pada tahap yang tinggi. Dapatkan ini menunjukkan pelajar berasa amat selesa melibatkan diri dalam Program Amali Solat ini kerana program ini merupakan program yang dapat mendekatkan diri mereka kepada Allah seterusnya melaksanakan perintah wajib yang telah ditetapkan dalam Islam.

Berdasarkan Jadual 5, skor min keseluruhan bagi kepentingan pelaksanaan Program Amali Solat menunjukkan nilai min 3.99 dan sisihan piawai 1.365. Sementara itu, tahap pelaksanaan program ini terhadap pelajar-pelajar tentang amali solat adalah pada tahap tinggi. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kesungguhan guru dan keprihatinan pentadbir dalam membantu pelajar melaksanakan amali solat ini merupakan amalan yang dapat memuaskan hati khususnya pelajar yang terlibat. Justeru, pelaksanaan amali solat adalah sangat signifikan dalam menerapkan kualiti solat pelajar ke arah lebih baik dan sempurna seterusnya para pelajar dapat menghayatinya dan mengamalkannya dengan sempurna tanpa meninggalkannya walau di mana jua mereka berada.

5.5 Persepsi Pelajar Terhadap Masalah yang Dihadapi dalam Pelaksanaan Program Amali Solat

Hasil analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai diperincikan bagi menentukan taburan persepsi pelajar tingkatan dua terhadap masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat adalah berdasarkan kepada Jadual 6.

Jadual 6 adalah persepsi pelajar terhadap masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka. Hasil analisis menunjukkan nilai min bagi setiap item adalah tinggi dengan skor antara 4.20 hingga 3.66 dan min keseluruhan adalah tinggi iaitu 4.06. Analisis deskriptif bagi 9 item aspek masalah dalam pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) ini, terdapat 3 item yang menunjukkan nilai min paling tinggi dan sama iaitu item ke-2 “*Guru mengajar cara berwuduk secara tidak jelas*”, item ke-3 “*Guru mengajar saya cara solat secara tidak jelas*” mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu pada nilai 4.20 dengan sisihan piawai 1.030 pada tahap yang tinggi. Dapatkan menunjukkan dengan terlaksananya program, pelajar dapat memahami cara mengambil wuduk dan menunaikan solat dengan jelas kerana mendapat tunjuk ajar dan bimbingan dari guru amali tersebut. Ini menunjukkan pelajar tiada masalah untuk menghadirkan diri dari mengikuti program ini kerana program ini sangat bermakna dalam kehidupan mereka. Ini selaras dengan item ke-8 “*Saya tiada masalah untuk menghadiri Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya*” yang juga mencatatkan nilai min paling tinggi dengan item ke-2 dan ke-3 iaitu dengan purata nilai min 4.20 dan sisihan piawai 1.297 iaitu pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan responden yang terlibat dengan program ini dapat melaksanakan program ini dengan baik.

Jadual 6

Persepsi pelajar terhadap masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat

No	Item	1	2	3	4	5	Min	SP	Tahap
		STS	TS	KS	S	SS			
Kekerapan & Peratusan									
1	Waktu Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya adalah sangat terhad		7 23.3%	9 30.0%	1 3.3%	13 43.3%	3.66	1.268	Tinggi
2	Guru mengajar cara berwuduk secara tidak jelas		3 10.0%	4 13.3%	7 23.3%	16 53.3%	4.20	1.030	Tinggi
3	Guru mengajar saya cara solat secara tidak jelas		2 6.7%	5 16.7%	8 26.7%	15 50.0%	4.20	1.030	Tinggi
4	Program Amali Solat dilaksanakan di tempat yang selesa kerana terdapat kemudahan asas seperti kipas angin		8 26.7%	3 10.0%	1 3.3%	18 60.0%	3.96	1.351	Tinggi
5	Sekolah saya menyediakan ruang yang khas (surau) untuk pelajar menuaikan solat secara berjemaah		9 30.0%			21 70.0%	4.10	1.398	Tinggi
6	Tempat wuduk sekolah saya berhampiran dengan tempat amali solat dilaksanakan		7 23.3%	3 10.0%		20 66.7%	4.10	1.322	Tinggi
7	Ramai pelajar seringkali ponteng Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya		4 13.3%	7 23.3%	3 10.0%	16 53.3%	4.03	1.159	Tinggi
8	Saya tiada masalah untuk menghadiri Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya		7 23.3%	1 3.3%	1 3.3%	21 70.0%	4.20	1.297	Tinggi
9	Guru Agama sentiasa bersama saya ketika Program Amali Solat dilaksanakan di sekolah saya		9 30.0%			21 70.0%	4.10	1.398	Tinggi
Min Keseluruhan						4.06	1.250	Tinggi	

Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4= Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS)

Di samping itu, terdapat tiga item yang menunjukkan nilai purata kedua tertinggi iaitu item ke - 5 “*Sekolah saya menyediakan ruang yang khas (surau) untuk pelajar menuaikan solat secara berjemaah*” , item ke-6 “*Tempat wuduk sekolah saya berhampiran dengan tempat amali solat dilaksanakan*” dan item ke-9 “*Guru Agama sentiasa bersama saya ketika Program Amali Solat*

dilaksanakan di sekolah saya” dengan persamaan nilai purata min 4.10 pada tahap yang tinggi dan sisihan piawai 1.398 pada item ke-5 dan ke-9 manakala sisihan piawai 1.322 pada item ke-6. Dapatkan menunjukkan penyediaan surau atau tempat solat oleh sekolah, kemudahan tempat wuduk yang berhampiran tempat solat serta mendapat perhatian dari guru agama semasa pelaksanaan amali solat ini sememangnya amat membantu pelajar seterusnya mengatasi semua kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Amali Solat ini.

Sementara itu, item yang menunjukkan sisihan piawai paling rendah ialah pada item pertama “*Waktu Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya adalah sangat terhad*” menunjukkan nilai min adalah 3.66, sisihan piawai 1.268 pada tahap yang tinggi. Ini kerana dapatan dari sebahagian responden menunjukkan dua waktu selama 60 minit dalam seminggu yang diperuntukkan pada setiap kali amali solat dilaksanakan pada setiap pelajar masih belum mencukupi. Sebahagian dari mereka berpandangan waktu tersebut perlu ditambah dan sebahagian lagi berpandangan bahawa waktu tersebut sudah mencukupi.

Selain itu, item ke-4, “*Program Amali Solat dilaksanakan di tempat yang selesa kerana terdapat kemudahan asas seperti kipas angin*” menunjukkan item yang mempunyai sisihan piawai kedua terendah dengan purata nilai min 3.96 sisihan piawai 1.351 pada tahap yang tinggi. Dapatkan menunjukkan responden bersetuju tempat yang digunakan untuk melaksanakan amali solat kebanyakannya disediakan kemudahan asas yang sesuai. Namun begitu, masih ada lagi pelajar yang kurang berminat dengan Program Amali Solat ini sehingga menyebabkan pelajar ponteng dari mengikuti program tersebut. Ini dapat dibuktikan pada item ke-7 iaitu “*Ramai pelajar seringkali ponteng Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah saya*” dengan nilai min 4.03, sisihan piawai 1.159 iaitu pada tahap yang tinggi. Kekangan masalah yang berlaku semasa pelaksanaan amali solat menjadi penyebab kepada pelajar yang ponteng dari mengikuti program ini. Oleh itu, pihak sekolah termasuk guru yang terlibat seharusnya memainkan peranan dan mengambil tindakan sekiranya berlaku gejala ponteng ini agar tujuan utama program ini dapat dicapai dengan jayanya.

Berdasarkan Jadual 4, skor min keseluruhan bagi kepentingan pelaksanaan Program Amali Solat menunjukkan nilai min 4.06 dan sisihan piawai 1.250. Sementara itu, tahap pelaksanaan program ini terhadap pelajar-pelajar tentang amali solat adalah pada tahap tinggi. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sekiranya setiap permasalahan yang berlaku semasa pelaksanaan program ini diatasi, maka Program Amali Solat ini akan berlangsung dengan jayanya sehingga setiap pelajar dapat memanfaatkan kewajipan solat ini dalam kehidupan mereka bukan hanya di sekolah malah walau di mana sahaja mereka berada iaitu dengan melaksanakannya mengikut kemahuan dan keikhlasan hati tanpa suruhan dan paksaan dari orang lain.

6. Perbincangan

Secara keseluruhannya, hasil kajian menjelaskan bahawa pelajar-pelajar tingkatan 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Kamaruddin ini amat menitikberatkan ibadat solat dalam kehidupan khususnya dalam Program Amali Solat yang dilaksanakan di sekolah mereka. Dapatkan kajian awal ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan dengan dapatan kajian-kajian lepas. Antaranya, kajian oleh Asmawati Suhid dan Lukman Abdul Mutalib [14] yang mengkaji tentang tinjauan terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa aspek minat pelajar untuk mengikuti program solat adalah amat tinggi kerana solat merupakan rukun Islam dan ibadat yang wajib dilaksanakan kerana solat adalah tiang agama dan mampu membina keteguhan iman dalam diri individu muslim.

Daripada hasil kajian tersebut, ia menggambarkan bahawa elemen amali solat telah banyak didedahkan kepada para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, menurut kajian Sharifah Nur [15] menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang kepentingan solat tetapi tahap pengamalan pelajar mereka dalam melaksanakan solat masih kurang memuaskan. Selain itu, kajian beliau sepandapat dengan kajian Jamaliah Abdul Jalil [16] iaitu kebanyakan pelajar muallaf mempunyai pengetahuan fardhu ain yang tinggi namun kurang memuaskan daripada aspek amalan. Menurut Hasna [17] penambahbaikan terhadap pelaksanaan solat pelajar perlu dilakukan dengan menganjurkan pelbagai program, kursus dan kem solat bagi meningkatkan kesedaran dan amalan solat mereka dalam kehidupan seharian. Justeru, penyelidik berpendapat bahawa penerapan elemen amali solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) ini merupakan salah satu faktor utama dalam membantu meningkatkan mutu ibadah solat harian pelajar.

7. Implikasi Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, beberapa cadangan yang berkaitan dengan kajian awal ini telah dikenalpasti. Pertama, kajian ini memberi implikasi yang besar kepada guru sebagai agen pelaksana Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain ini. Guru-guru yang terlibat berperanan untuk melaksanakan program ini dengan sebaik mungkin dan seterusnya melakukan penambahbaikan supaya program ini lebih berkesan dan berkualiti terhadap pelajar-pelajar yang terlibat. Ia bertujuan untuk meningkatkan mutu ibadat pelajar supaya dapat dilaksanakan oleh pelajar seikhlas hati tanpa paksaan dan seterusnya membina jati diri pelajar supaya menjadi pelajar yang bukan hanya cendekiawan di dunia sahaja bahkan seorang yang taat melaksanakan ibadat kepada Allah. Guru-guru seharusnya melaksanakan pelbagai pendekatan bagi membantu pelajar ini agar mampu mengambil wuduk dan dapat menunaikan solat dengan sempurna. Kepelbagaiannya pendekatan ini sebenarnya mampu menarik minat pelajar untuk melaksanakan amali solat ini dengan sebaik mungkin.

Kedua, kajian ini boleh membantu para pelajar untuk mempelajari ilmu agama khususnya ibadat solat dengan betul dan sempurna. Proses amali ini merupakan satu proses yang mampu mengajar pelajar dari atas sehingga mampu menunaikan solat wajib dan seterusnya mentarbiah diri mereka meningkatkan ibadah dengan menunaikan solat sunat mengikut kemahuhan sendiri tanpa paksaan dari sesiapa. Justeru, pelajar yang mampu memahami dan melaksanakannya merupakan pelajar yang telah menguasai sebahagian dari sukatan pelajaran Pendidikan Islam tersebut. Ini seiring dengan pendapat Mohd Rosdi Mahamud [18] yang menjelaskan peranan Pendidikan Islam sangat penting dan tidak boleh diabaikan kerana Pendidikan Islam sangat memberikan penekanan terhadap aspek ilmu, amalan dan penghayatan, sesuai dengan Falsafah Pendidikan Islam. Kajian awal ini membolehkan pihak yang berautoriti seperti guru-guru, pentadbir sekolah, ibu bapa dan pemikir pendidikan menyedari bahawa secara keseluruhannya pelajar yang beragama Islam sepatutnya diberi peluang mengikuti Program Amali Solat kerana program ini amat penting kepada mereka. Ini selari dengan kajian Mohamad Zaki [19] yang menyatakan tahap keberkesanan program yang dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar Islam adalah sangat tinggi disebabkan oleh sikap yang ditunjukkan oleh peserta terhadap program dakwah, pengisian dan kaedah program yang dijalankan dan juga kecekapan pengurusan urus setia. Oleh itu, pelajar diajar cara untuk melaksanakannya dengan sebaik mungkin dan sekiranya ada masalah yang dihadapi oleh mereka maka tindakan sewajarnya perlu diambil untuk penambahbaikan dan seterusnya dapat melaksanakan program ini dengan sebaik mungkin menepati hasrat dan falsafah pendidikan Islam iaitu sempurna dari semua aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

8. Kesimpulan

Kajian ini membincangkan tentang persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program Amali Solat menjadi salah satu aktiviti utama dalam meningkatkan kesedaran tentang pentingnya ibadat utama dalam kehidupan iaitu ibadat solat. Selain itu, pelajar-pelajar diberi pendedahan tentang kepentingan PAFA yang merupakan salah satu dari sukanan pelajaran yang sewajarnya perlu dipelajari secara teori dan amali bagi meningkatkan mutu sahsiah diri seseorang pelajar yang bergelar pelajar muslim. Hasil kajian ini juga memberi beberapa cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti pelaksanaan Program Amali Solat agar ia dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin selari dengan tuntutan syariat agama Islam. Kajian berkaitan pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) ini amat perlu dilakukan bagi memperkasakan modal insan negara. Ia amat realistik kerana melalui pelaksanaan sejak alam persekolahan lagi ini mampu melahirkan pelajar yang seimbang selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang mengharapkan keseimbangan dalam semua aspek termasuk jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pelaksanaan ibadat solat dalam PAFA ini mampu memberi impak yang tinggi khususnya kepada bidang pendidikan Islam. Semoga dapatan kajian ini mampu memberikan faedah kepada semua yang mengharapkan lahirnya modal insan yang menjadi contoh teladan dari satu generasi kepada generasi yang lain.

Rujukan

- [1] Al Quran Al Karim
- [2] Hafizah, Noor, and Mohd Haridi. "Program agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian dari aspek pelaksanaan dan keberkesanannya." PhD diss., University of Malaya, 2016.
- [3] Jusoh, Mat, and Mohd Suhardi. "Pengabaian solat fardu di kalangan remaja: kajian di sekolah menengah di sekitar Pasir Putih, Kelantan Mohd Suhardi Mat Jusoh." PhD diss., University of Malaya, 2004.
- [4] Ahmad, Mohd Farid Hafidz, and Mohamad Khairi Bin Haji Othman. "PUSAT ISLAM POLIMAS: PENGLIBATAN PROGRAM DAKWAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN IBADAT SOLAT DAN PENGAMALAN AKHLAK PELAJAR." *Proceedings of the ICECRS* 1, no. 1 (2017).
- [5] Pengarah, Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, "Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4 / 1994 : Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," 2-4.
- [6] Pengarah, Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, Pendidikan "Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 : Penilaian Perkara Asas Fardhu 'Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," no. 2: 5-6.
- [7] Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. 2015. Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Penerbitan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [8] Yunus, Abd, and Nasseri Taib. "Keberkesanannya Pada Dalam Menangani Masalah Buta Fardhu Ain Di Kal. Pel.. Satu Tinjauan Ke Atas Pel.-pel. Ting. 4." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- [9] Lay, Yoon Fah, and Chwee Hoon Khoo. *Pengenalan kepada pendekatan kuantitatif dalam penyelidikan pendidikan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2012.
- [10] Ahmad Sunawari Long. 2014. Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam. Penerbitan UKM, Bangi, Selangor.
- [11] Mohamed Berawi, Fuad. "Metodologi penyelidikan: Panduan menulis tesis." (2017).
- [12] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006), Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)).
- [13] Chua Yan Piaw. 2014. Kaedah Penyelidikan. Ke Empat. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [14] SUHID, ASMAWATI, and LUKMAN ABDUL MUTALIB. "Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat." *Journal of Islamic and Arabic Education* 1, no. 1 (2009): 15-28.
- [15] Abu, Sharifah Nur Binti. "Pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak." (2012).
- [16] Jalil, Jamaliah Binti Abdul, Mohd Isa Hamzah, and Maimun Aqsha Lubis. "Tahap Pengetahuan Dan Amalan Fardhu Ain Anak-Anak Muallaf Sekolah Menengah Di Bahagian Sri Aman Sarawak." *ASEAN COMPARATIVE EDUCATION RESEARCH JOURNAL ON ISLAM AND CIVILIZATION (ACER-J)*. eISSN2600-769X 1, no. 1 (2017): 107-123.

-
- [17] Bidin, Hasna. "Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2016.
 - [18] Mahamud, Mohd Rosdi. "Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dan Kesannya Terhadap Peningkatan Disiplin Pelajar : Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perlis." Igars 2014, no.1 (2010): 1-5. Doi:10.1007/s13398-014-0173-7.2.
 - [19] Hamid, Mohamad Zaki. "Sektor pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: kajian tentang pelaksanaan program dakwah dan keberkesanannya/Mohamad Zaki bin Hamid." PhD diss., University of Malaya, 2009.